

27/01/2000

Ketua Pemuda perlu 33 pencalonan

KUALA LUMPUR, Rabu - Mereka yang ingin bertanding merebut jawatan Ketua Pergerakan Pemuda Umno pada perhimpunan agung 10 Mei ini, perlu mendapat sekurang-kurang 20 peratus pencalonan atau 33 daripada 165 bahagian.

Calon jawatan Naib Ketua pula perlu mendapat sekurang-kurangnya 15 peratus (25) pencalonan, manakala lima peratus (9) pencalonan diperlukan bagi membolehkan seseorang itu bertanding bagi kerusi exco Pemuda.

Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin Pemuda Umno, Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzil, berkata syarat pencalonan untuk pertandingan pergerakan itu diluluskan oleh Majlis Tertinggi (MT) baru-baru.

Sehubungan itu, Pemuda Umno menubuhkan Jawatankuasa Pemantau dan Pemilihan bagi menjelaskan kepada ahli mengenai peraturan baru berkenaan pada mesyuarat cawangan yang berlangsung sekarang.

Jawatankuasa itu dianggotai oleh pemimpin Pemuda yang tidak bertanding iaitu Penolong Bendahari, Mokhzani Mahathir; Penolong Setiausaha, Zulkifli Alwi dan Exco Pemuda, Khaled Nordin.

Jawatankuasa ini akan menjelaskan kepada ahli di seluruh negara mengenai peraturan baru itu sebelum persidangan bahagian bermula.

Penerangan itu penting bagi membolehkan semua bahagian yang mula bermesyuarat Mac ini, membuat pencalonan bagi jawatan tertinggi dan exco Pemuda pada pemilihan akan datang, katanya selepas mengerusikan mesyuarat pengurusan pergerakan itu, di sini hari ini.

Syarat baru pemilihan itu selaras dengan Perlembagaan Umno yang menetapkan calon bagi jawatan Presiden hendaklah mendapat sekurang-kurangnya 30 peratus pencalonan atau 50 bahagian.

Bagi jawatan Timbalan Presiden pula, pencalonan minimum ialah 20 peratus (33 bahagian), Naib Presiden 10 peratus (17 bahagian) dan ahli MT lima peratus (sembilan bahagian).

Pada peringkat bahagian yang tidak melebihi 150 cawangan, calon bagi jawatan ketua harus mendapat 20 peratus pencalonan, timbalan ketua (15 peratus), naib (10 peratus) dan ahli jawatankuasa (dua cawangan).

Seseorang yang hendak bertanding sebarang jawatan atau dilantik juga, hendaklah menjadi ahli terus menerus selama dua tahun terlebih dulu bagi jawatankuasa cawangan, tiga tahun bagi jawatankuasa bahagian dan tiga tahun bagi ahli MT.

(END)